EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة قوستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JULAI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

PERTANDINGAN STREET SOCCER 3 ON 3
SEMPENA KARNIVAL BUKU & SEMARAK JAWI

11 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Pemenang tempat ketiga menerima wang saguhati dan medal dari pihak penganjur

DUNGUN, 11 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Dungun telah melakar kejayaan membanggakan apabila meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Street Soccer 3 on 3 yang berlangsung di perkarangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) pada 11 Julai 2026. Pertandingan yang dianjurkan sebagai tirai pembuka dan promosi awal sempena Karnival Buku dan Semarak Jawi 2026 ini telah dirasmikan oleh Pengarah PPAT, Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin, menerusi gimik sepakan penalti simbolik. Kejuaraan kategori perpustakaan disandang oleh pasukan PPAT Phoenix yang merangkul gelaran johan.



Beberapa gambar di sekitar pertandingan berlangsung

Penganjuran kejohanan ini mendapat sambutan amat menggalakkan apabila berjaya menghimpunkan sebanyak 26 buah pasukan secara keseluruhan, merangkumi 21 pasukan bagi kategori terbuka dan 5 pasukan bagi kategori perpustakaan. Pencapaian cemerlang pasukan Perpustakaan Cendekiawan ini bukan sahaja mencerminkan semangat kesukanan dan ukhuwah yang tinggi dalam kalangan warga kerja, malah membuktikan keupayaan perpustakaan dalam menyokong serta menjayakan program liputan komuniti yang interaktif dan sihat.





SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI